
Pendekatan dan Perkaedahan Pengajaran Kesusasteraan KBSM: Cabaran-cabaran Kepada Guru Kesusasteraan

Ahmad Othman
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

Reformasi di dalam pendidikan yang telah berlaku di dekad mutakhir telah mengubah tentang falsafah, pendekatan dan kaedah mengajar. Penegasan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang berhasrat mahu "mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis daripada intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan", di samping penggubalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan matlamat-matlamat yang amat jitu dan ideal, menuntut pendekatan mengajar dalam mata pelajaran dengan mengutamakan "strategi-strategi pengajaran yang berunsur penyelesaian masalah atau inkuiri untuk membina kemampuan berfikir, menimbang dan membuat keputusan yang saksama". Kalau pada masa dahulu konsep "kaedah mengajar" bermaksud "bagaimana untuk mengajar sesuatu pelajaran terserah kepada guru", maka pada dekad ini kita bertemu dengan konsep "pendekatan mengajar", yakni ia memerlukan jawapan rasional, "mengapa sesuatu perkara diajar?" di samping "mengapakah pendekatan dan kaedah tertentu digunakan?". Amalan pendidikan masa kini berpusat kepada pelajar, bukan berpusat kepada guru. Seiringan dengan pelaksanaan sukatan pelajaran baru yang akan mengambil alih sukatan pelajaran yang lama, ia memerlukan pengorientasian dan penggembelangan semua pihak yang terlibat dengan pendidikan: perancang kurikulum, pensyarah maktab perguruan, bahagian peperiksaan, guru-guru termasuk pengetua dan ibubapa pelajar. Zaman transisi yang gawat dan penuh cabaran begini menuntut persediaan dan kesedaran semua pihak akan tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan oleh masing-masing supaya hasrat murni negara dalam pembentukan identiti bangsa dan ummah menempah kejayaan. Kertas kerja ini cuba membicarakan bagaimana seorang guru mata pelajaran kesusasteraan perlu memperkembangkan diri menghadapi cabaran-cabaran baru Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Ummat Yang Sakit dan Remaja Yang Keliru: Krisis Moral dan Psikologi Remaja Malaysia

Di dalam sesebuah masyarakat yang mengharungi gejala-gejala pemodenan teknologi dan gaya hidup yang serba canggih, tenggelam-timbul dihanyut arus krisis moral dan psikologi, di mana kekayaan kebendaan dan bukan akal-budi yang menjadi piawai kemuliaan dan kehormatan, maka tidak mungkin satu sistem pendidikan, - betapapun meluas dan maju-, boleh membenih dan menumbuhkan sebuah masyarakat bermaruah dan bermoral (lihat Ali Nadwi.79:21). Golongan terpelajar malah para pendidik dan cendekiawan yang menjawati kedudukan penting di universiti sedang terumbang-ambing di dalam gelombang kebendaan, mengalami krisis keyakinan identiti; mereka menjadi seperti hancuran daging yang segera akan ditelan. Dengan demikian tidaklah seharusnya seseorang yang bergelar pendidik sastera dapat memejamkan matanya begitu saja menyerah kepada takdir, dengan membiarkan ribut taufan kebendaan itu melanda-musnahkan apa saja yang melintang arahnya. Bahkan ia menjadi satu jihad kecil dalam keadaan demikian, untuk memikirkan dengan serius terhadap mala petaka yang mengancam akidah seluruh ummat menyebabkan sebilangan besar belianya di dalam keadaan keliru dan terpukau, semakin hari semakin tidak bermaya dan bermaruah. Salah satu cara untuk memerangi musuh ini ialah dengan merancang dan mengisikan ruang dada remaja dan belianya dengan penyebaran pendidikan kerohanian melalui kesusasteraan yang sihat.

Tidak syak lagi ramai generasi remaja kita sekarang sedang dalam dilema kekeliruan dan kebingungan. Mereka dipimpin oleh media massa - akhbar, radio dan televisyen. Mereka mendengar dan melihat percakapan dan rancangan yang lebih melunturkan nilai-nilai pekerti yang lohor mulia dan mereka didedahkan kepada "keintelektualan yang samar-samar" dan "frustrasi psikologi". Percetakan moden, gejala yang dihormati oleh majoriti, menyediakan kepadanya bahan-bahan yang menyemarakkan nafsu dan tidak bertanggungjawab. Gambar-gambar lucah yang menimbulkan berahi atau tajuk-tajuk utama yang sensasi memikat perhatiannya dan menimbulkan kekeliruan dalam mindanya mengenai norma-norma kemoralan dan hakikat kebenaran. Kemudian mereka membaca buku-buku buah tangan mereka yang dianggapnya pakar dalam bidang mereka, dan mereka menambahkan keraguan dalam etika dan keimanan, menjadikan mereka skeptik malah mengenai nilai bahasa dan kesusasteraannya sendiri. Justeru itu wujudlah konfrantasi intelektual yang berkesudahan kecewa dalam budaya sendiri, hilang keyakinan dalam kod moral dan keupayaan bangsanya, juga nilai pemikirannya sendiri, cita-cita dan bahasa: mereka didesak untuk meletakkan keyakinan di atas ide-ide yang nampaknya memukau dan lantas menjadi kelu dan bisu.

Bahan kesusasteraan, terutama majalah-majalah pop dan kartun yang dihasilkan di dalam negara cuba membimbing generasi remaja ke arah "keintelektualan palsu" dan serentak itu juga ia menanam benih "keseronokan semata-mata" di dalam hati remaja kita. Itulah sastera yang dihasilkan untuk mendapat keuntungan dengan mudah, kemasyhuran, populariti murah, atau cuma slogan-slogan tanpa makna. Itulah sejenis sastera yang tidak bertujuan kecuali membuka pintu fikiran yang tidak puas dan tidak yakin. Radio dan TV, menokokkan dan komplikasi suasana; ianya memikat naluri-naluri sensual tahap rendah, tanpa objektif yang sihat. Pengeluaran bahan ini dengan banyaknya menandakan tingginya permintaan dan ini membuktikan masyarakat kita sedang menderita sakit jiwa. Inilah akar

persoalan yang mencabar; kita perlu hadapi, "mengubat hati yang parah, membendung budaya liar, dan menanam nilai-nilai murni, membangun identiti ummah, menerusi pendidikan sastera".

Isu dan Masalah Pendidikan Kesusasteraan:

Banyak isu dan masalah yang melingkari dalam pengajaran-pembelajaran kesusasteraan. Secara ringkasnya isu dan masalah yang telah dibicarakan di seminar, bengkel dan forum sejak awal tahun lapan puluhan masih berlanjutan hingga masa kini. Antaranya yang perlu disebut di sini:

- a) Falsafah Pendidikan dan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan
- b) Guru Kesusasteraan
- c) Pendidikan Kesusasteraan: Pendekatan dan Perkaedahan
- d) Pemilihan teks dan bahan kesusasteraan
- e) Penghayatan sastera
- f) Penilaian Kefahaman dan Penghayatan
- g) Penerapan nilai murni

Hanya beberapa isu disebut insya Allah akan disentuh secara padat dan ringkas di sini supaya kita dapat melihat dari berbagai dimensi yang boleh dihubungkan dengan peranan guru kesusasteraan dan bagaimana setiap aspek itu dapat dilaksanakan di dalam atau luar bilik darjah.

Secara umum persoalan pengajaran-pembelajaran kesusasteraan di sekolah menengah memang menuntut "overall" yang menyeluruh. Pelajar-pelajar secara terpaksa belajar kesusasteraan; guru-guru secara terpaksa menghabiskan sukatan pelajaran; pihak peperiksaan dengan susah payah mengadakan "bahan-bahan uji". Hasilnya lahirlah satu generasi yang tidak minat membaca karyasastera secara serius atau dengan bermakna. Kita ingin sebutkan di sini tentang bagaimana dari segi perancangan kurikulum, pemilihan buku teks, pelaksana kurikulum, dan penggubal dan pemeriksa kertas semuanya terperangkap di dalam suatu delima yang amat delikat.

Kedudukan Mata Pelajaran Kesusasteraan KBSM dan FPN

Kesusasteraan telah digabungkan ke dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sejak tingkatan 1 sehingga tingkatan 5 dalam KBSM mulai 1991, di samping ia diajar sebagai satu mata pelajaran pilihan untuk pelajar-pelajar menengah atas seperti yang telah diamalkan sejak 1960an. Paling nyata kedudukannya dalam KBSM kini telah dinaikkan sedikit martabatnya; pihak sekolah dikehendaki memperkenalkan karya-karya sastera sekurang-kurangnya

satu waktu setiap minggu. Objektifnya di dalam komponen Bahasa Melayu itu antara lain disebut:

Melafazkan puisi dengan gaya yang menunjukkan pemahaman terhadap isi;

Menilai dan mengulas keindahan bahasa;

Membaca dan memahami pelbagai bahan prosa dan puisi dan menaakul perkara yang tersurat dan tersirat;

Membaca, menilai dan mengulas dengan kritis dan analitis tentang teknik persembahan, gaya bahasa dan keindahannya yang terdapat dalam bahan prosa dan puisi;

Menghasilkan ulasan dan kritikan daripada bahan berbentuk prosa dan puisi.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan 2) 1987.

Meneliti objektif-objektif di atas, kita boleh mengandaikan bahawa pada masakini setidak-tidaknya semua pelajar menengah atas telah kenal, dapat memahami, dan menghargai karya sastera walaupun mereka terdiri dari aliran sains, manakala kualiti pemahaman mereka yang telah ada asas itu khususnya yang mengambil mata pelajaran kesusasteraan dalam aliran sastera diharapkan lebih tinggi. Masalah yang wujud kini ialah bagaimana seorang guru kesusasteraan dapat melaksanakan pengajaran kesusasteraan yang dapat memenuhi matlamat FPN yang bisa mengimbangi aspek-aspek pertumbuhan seseorang individu secara menyeluruh. Matlamat FPN seperti dirakamkan berbunyi:

"Falsafah Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara". (Rujukan: FPN.)

Aspirasi yang terkandung dalam FPN seperti di atas merupakan sebagai tumang yang menjadi paksi atau akidah yang perlu diperpegangi oleh setiap guru. Dari perspektif Islam, ianya memperlihatkan bahawa wujudnya penyimpangan dari amalan sistem sekular liberal Barat yang selama ini mempengaruhi sistem pendidikan kebanyakan negara-negara demokrasi, termasuk dunia Islam. Kenyataan ini amat jelas jika kita teliti rangkaikata berdasarkan "kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan" yang seakan-akan selaras dengan prinsip pertama dalam Rukunegara. Rumusan yang sama dilahirkan oleh cendiakawan-cendiakawan Islam yang diadakan di Mekah pada 1977, yang antara lain menyebut:

"Education should aim at the balance growth of the total personality of Man through the training of Man's spirit, intellect, the rational self, feelings and bodily senses. Education should therefore cater for the growth of man in all its aspects: spiritual, intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic, both individually and collectively and motivate all these aspects towards goodness and the attainment of perfection. The ultimate submission to Allah on the level of the individual, the community and humanity at large". (Ali: 1979:44).

Penyimpangan halatuju ke arah kesepaduan, - dunia dan akhirat -, memberi makna bahawa seorang pendidik/guru sekarang berperanan lebih jauh dari apa yang berlaku di dalam bilik darjah atau sekolah sahaja. Dia harus ada komitmen, mempunyai misi terhadap menyeru ke arah "jalan Allah" dan sesungguhnya kalau ia seorang mukmin, hal ini telah menjadi tanggungjawabnya sesuai dengan Firman Allah yang bermaksud.

"Kamu adalah sebaik-baik ummat yang dilahirkan untuk manusia; Kamu menyeru kepada makruf dan menegak kemungkarannya, dan kamu beriman kepada Allah." (Al-Quran: 3:110)

Adakah melalui pendidikan kesusasteraan guru mampu memainkan peranan ini? Untuk menjawabnya kita perlu mengkaji dan memahami betul-betul hakikat, teori dan fungsi sastera dalam pendidikan dan peranannya dalam masyarakat. Secara umum kita menerima bahawa kesusasteraan ialah "ungkapan-ungkapan indah" mengenai manusia: - masyarakat dan individu - mempersoalkan keujudan diri dan hubungannya dengan manusia-manusia lain atau Penciptanya dalam segala konflik dan kompleksiti. Tentang diri sendiri penyair mungkin mengungkapkan erti kerinduan seperti dalam sajak Buah Rindu atau Nyanyi Sunyi (Amir Hamzah), mengenai hubungan dengan alam seperti "Tunggul-tunggul Gerigis" atau Ranjau Sepanjang Jalan, (Shahnon Ahmad), mengenai masyarakat kota seperti dalam Salina (A. Samad Said), mungkin hal-hal kemanusiaan seperti kisah perang Bumi Bertuah (Pearl S. Buck) atau Keluarga Gerilya (Pramoedya Ananta Toer) sekadar menyebut beberapa buah karya adalah yang menyentuh hati nurani, bahasa, intelek dan emosi dan rohani kita, meluas ke aspek masyarakat dan kemanusiaan. Dengan kata lain, hubungan aspek-aspek sastera seperti persoalan dan tema, bahasa, watak dan perwatakan, latar dan sudut pandangan yang digarap dalam karya sastera selaras dengan kehidupan sesuatu bangsa atau ummat manusia, sekaligus ia amat berperanan dalam budaya bangsa tersebut.

Peranan dan Fungsi Kesusasteraan

Kesusasteraan sememangnya berperanan dalam pendidikan. Keistimewaan gaya bahasa dan penceritaannya yang indah memberi kepuasan estetika, ia dapat memperhalusi perasaan dan timbul rasa peka; pembaca dapat menghayati amanat atau persoalan dan wujudlah kesedarannya, fakulti khayalannya dirangsang dan jendela hatinya yang terhibab terbuka kepada "hidayah" (lih. Mohd. Affendi: 1990:2). Teori-teori tentang kesusasteraan, khususnya teori imitasi (peniruan), teori ekspresif, teori afektif dan teori ilmu,

memperlihatkan bagaimana hubungkaitnya dengan objektif-objektif yang digariskan. Sebagai contoh, berasaskan teori peniruan, iaitu karya sastera menggambarkan sesebuah masyarakat, maka dapat difahami oleh pelajar budaya atau latar sebuah peristiwa di dalam atau di luar kehidupannya; atau dengan teori ekspresif, pelajar dapat meluahkan rasa hatinya melalui penciptaan sebuah puisi dan sebagainya, manakala dengan teori afektif, yang menganjurkan perubahan sikap dan tindakan lewat karya seni, ia boleh meninggalkan kesan positif kepada para remaja kita, misalnya, "menanam rasa cinta akan tanah air dalam satu kawasan budaya kebangsaan yang dihasratkan". (Sila lihat rajah di bawah):

SENIMAN-----> KARYA-----> AUDIEN-----> TINDAKAN

Rajah 1: Tindakan dari Teori Afektif

Seorang pengarang yang terkenal, Leo Tolstoi, dalam karyanya *What is Art* menulis:

"Through the influence of real art, aided by science, guided by religion, that peaceful cooperation of man which is now mainfaired by external means -should be obtained by man's free joyous activity. Art should cause violence to be set aside?" (Ibid.)

Di samping itu kesusasteraan juga berunsur ilmu. Robert Frost menulis bahawa kesusasteraan itu dimulai dengan keseronokan dan berakhir dengan kebijaksanaan. Ini bermaksud bahawa kesusasteraan bukan hanya luahan emosi atau untuk hiburan semata-mata; ia membawa fungsi mengajar di samping menghibur. Bagi Syed Ali Asyraf (1979: 99), kesusasteraan adalah sejenis ilmu meskipun serpihan tetapi kudus dan asli. Ia dianggap serpihan kerana ia hanya sebahagian daripada pengalaman individu tentang hakikat diri dan hakikat alam. Hanya Allah yang mempunyai ilmu yang sempurna. Namun demikian selagi pengalamannya bertambah luas selagi itu ilmunya juga maju dan jelas dalam menuju ke arah kebenaran. "With this goal in view and with the ethical code that enable man to practice and grow through knowledge and action, the writer can proceed towards a new destiny and ever new realizations." (Ibid: 99)

Dalam hal yang sama Prof. Awang Had Salleh (1989) berkata:

"Mencernakan penelitian nilai tentang kebenaran dan keindahan adalah satu daripada fungsi kesusasteraan. Dengan demikian pendidikan sastera itu dikatakan juga sebahagian daripada pendidikan kemanusiaan atau 'humanistic education'."

Pendidikan sastera juga membuat kita merasakan kesengsaraan orang, penderitaan dalam merindui cinta atau cita-cita yang tidak tercapai, menikmati "duka sengsara yang indah", (meminjami ungkapan Muhammad Haji Salleh: 1991), memahami konflik jiwa atau sebab akibat, (biasanya melalui perwatakan dalam cereka atau biblioterapi), lega pada keadilan Ilahi, menjadikan insan yang takwa dalam menyerahkan diri kepada kudrat-iradat Allah

Yang Esa (lihat Ali Ahmad: 1989). Bagi mengimbangi antara unsur jasmaniah dan rohaniah, Allah menganugerahkan manusia akal dan kebolehan bertaakul (khayal) apabila melihat yang zat dan maujud supaya mereka menyedari konsep kesatuan atau tauhid. Ali Ashraf (1979: 100) menulis:

"This concept of unity is ultimately derived from the concept of divine unity (tawhid) which the divine power within man makes him realize. Poetic imagination is the creative ability which helps man to break the rigid time and space association that memory imposes upon the series of experiences that man acquires and to recreate a new world out of the world of experience in order to give to readers a beautiful image through which his vision of reality is expressed".

Kesusasteraan dalam pelbagai genre, bagi seorang pengkritik yang menilai dari pendekatan moral, akan melihat bahawa persoalan dalam karya adalah mengenai nilai - masalah-masalah hati; penyakit-penyakit mazmumah yang mencetus dan mengakibatkan kemusnahan dan kekejaman perang, ketidaktentuan arah hidup, mencari erti dalam kebendaan, hidup yang tidak bererti, terburu-buru, sombong, malas, banyak hiburan, membazir, pentingkan diri, semuanya mezulmatkan hati; atau sebaliknya usaha insan yang takwa, ia membicarakan erti kerinduan, kasih sayang, kedamaian, perjuangan, pengorbanan, kebenaran, keadilan dan kecintaan berada di maqam mahmudah-maraqobah. Persoalan nilai, akhlak, dan hal-hal kemasyarakatan dan kemanusiaan seperti disebutkan perlu dipertimbangkan untuk disedarkan kepada pelajar-pelajar remaja kita supaya mereka menjadi peka, berani, adil, baik hati dan bijaksana dan berakhlak mulia. Menyedari hakikat ini, maka mata pelajaran kesusasteraan Melayu dirasakan perlu untuk mentarbiah hati.

Matlamat Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu 1990.

Matlamat pendidikan kesusasteraan telah digubal yang selaras dengan matlamat pendidikan negara. Antara lain yang disebutkan,

"untuk membolehkan pelajar-pelajar menjiwai unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan; menanam rasa bangga dan cinta akan tanah air dalam satu kawasan budaya kebangsaan yang dihasratkan, serta mengimbangkan perlakuan dan sahsiah diri mereka secara harmonis untuk memainkan peranan yang berkesan sebagai anggota masyarakat Malaysia. Pendidikan kesusasteraan Melayu juga bertujuan membimbing pelajar-pelajar untuk menghayati, menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan kesusasteraan

dengan berfikir secara analitis, kritis dan kreatif melalui pembinaan cita rasa sastra".

(Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu 1990, Ting. IV-V KBSM 1990).

Domain afektif khususnya yang mendasari sahsiah remaja dalam pembentukan identiti diri dan semangat kewarganegaraan amat terasa penekanannya. Demikian juga objektif untuk memperkaya dan mempertajamkan bahasa pelajar-pelajar supaya lebih keterampilan berupaya menghayati dan menghargai keindahan dan berkreaitif diimbangi dengan perkembangan emosi dan intelek lewat bahan-bahan yang dibaca.

Objektif-objektif yang digariskan untuk memperkukuh dan meningkatkan keterampilan berbahasa dan bersastra pelajar-pelajar adalah seperti berikut:

- (i) memahami dan memanfaatkan unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan;
- (ii) mengembang dan mengekalkan minat terhadap kesusasteraan;
- (iii) menghayati dan menghargai keindahan bahasa dan kesusasteraan;
- (iv) memahami isi dan menganalisis aspek-aspek kesusasteraan;
- (v) memberi pandangan dan penilaian secara kritis terhadap karya sastra; dan
- (vi) menghasilkan pelbagai karya yang sesuai dengan kemampuan pelajar.

(Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan IV dan Tingkatan V KBSM 1990).

Beberapa genre perlu digarapkan, prosa moden: cerpen, novel drama, prosa klasik, dan puisi lama: pantun, syair, gurindam dan seloka, dan sajak. Dari bentuk-bentuk bahan ini terdapat pula beberapa istilah, elemen, dan teknik yang perlu diketahui oleh pelajar-pelajar seperti plot, tema, bahasa kiasan, metafora, nada rima irama, aliterasi, dan lain-lain lagi. Di samping itu unsur-unsur nilai murni (16 perkara utama) terus dilanjutkan.

Setelah kita meneliti sukatan pelajaran ini, jelaslah bahawa ada dua dimensi yang perlu dirancang oleh guru sastra, pertama aspek-aspek mengenai (domain kognitif, afektif, tingkahlaku, sikap dan kemahiran pelajar), dan kedua hal-hal yang berkaitan dengan isi kandungan dalam karya yang menjadi disiplin kesusasteraan. Di sinilah terletak pertimbangan dan kebijaksanaan guru meneliti, mengkaji, memilih, merancang, menyusun dan menyampaikan pelajaran kepada para pelajarnya. Jika perancangan pelajaran kemas, mengikut prinsip pembelajaran-pengajaran maka akan mudahlah terlaksana matlamat pendidikan kesusasteraan ke arah pembinaan insan yang seimbang tadi. Oleh itu guru sastra perlu menentukan objektif-objektif dan matlamat jangka panjang dan pendek yang akan dicapai dengan strategi dan pendekatan yang relevan.

Pendekatan dan Perkaedahan Mengajar:

Konsep "pendekatan" membawa maksud yang luas dan kita sering menggunakan dalam pengkajian dan pengajian sastera. Kadang-kadang kita terkeliru dengan konsep kaedah. Bagi perbincangan ini kita maksudkan pendekatan sebagai satu pegangan yang mengandungi strategi-strategi untuk mencapai matlamat jangka panjang dalam pengajaran kesusasteraan. Setiap satu pendekatan yang diaplikasikan ini mencerminkan satu pegangan atau falsafah tentang hakikat pengajaran dan teori kesusasteraan. (Kamaruddin Husin: 88: 41) menyebut beberapa pendekatan mengajar kesusasteraan : analisis-struktural, berfokus, mengalami-menghayati, global dan beberapa pendekatan kritik sastera seperti pendekatan moral, pendekatan sosiologikal, pendekatan psikologi dan pendekatan linguistik dan lain-lain lagi. (Lihat juga Ishak Ramly: 1987). Mohd. Affandi Hassan (1990) dalam esainya mengutarakan satu pendekatan baru yang dinamakan Pendekatan Estetika daripada Pendekatan Tauhid yang membicarakan takrif pendidikan dan matlamatnya, dan dihubungkannya dengan hakikat insan, hakikat ilmu dan amal dari kaca mata Islam. Beliau juga cuba mengutarakan beberapa gagasan dalam pendidikan estetika tersebut yang dipanggil "Kaedah Bersepadu Lima Tangga" (diringkaskan menjadi KIBLAT untuk disesuaikan dengan konsep tauhid, dasar model ini). Saya tertarik hati dengan beberapa saranan penulis, antaranya,

"....kesepaduan yang harmonis antara fungsi estetik dengan fungsi intelek akan melahirkan karya yang berkesan kepada jiwa dan akal sekaligus. Kesan ini akan sia-sia jikalau tidak dimanfaatkan dalam pendidikan adab dan pembinaan insan yang bertakwa,...."

(Mohd. Affandi. 1990: 1: 53).

Konsepsi "bersepadu" yang berkaitan dengan proses pendekatan dan perkaedahan mengajar kesusasteraan KBSM, bagi saya, adalah seperti di Rajah 2:

PENDEKATAN MENGAJAR BERSEPADU	
INTENSIF DALAM BILIK DARJAH	EKSTENSIF LUAR BILIK DARJAH / SEKOLAH
ANALISIS-STRUKTURAL MENGALAMI-MENGHAYATI BERFOKUS BERSEPADU	KOMITMEN BIMBINGAN SEBARAN LAWATAN DLL
KAEDAH : TEKNIK AKTIVITI-AKTIVITI	KAEDAH-KAEDAH AKTIVITI-AKTIVITI
OBJEKTIF-OBJEKTIF	OBJEKTIF-OBJEKTIF
MATLAMAT-MATLAMAT	
FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA	

Rajah 2: PENDEKATAN MENGAJAR

Berdasarkan rajah itu, saya berpendapat bahawa konsep bersepadu dalam pendekatan mengajar bukan saja menumpukan ke arah keseimbangan dalam kesepaduan ilmu, sikap, dan amal (intelektual, emosi, rohani dan jasmani), menerusi pendekatan mengajar di dalam bilik darjah dengan mengaplikasikan pendekatan struktural, berfokus atau mengalami-menghayati dan lain-lain, (yang dilakukan oleh guru darjah sekarang ini, yakni pendekatan intensif = kaji teks), tetapi juga apa yang perlu dilakukan oleh guru di luar bilik darjah atau di sekolahnya, iaitu pendekatan ekstensif atau istilah lain kesepaduan kurikulum dan kokurikulum. Ini bermakna ia menuntut penglibatan guru dalam gerakerja luar bilik darjah dengan mengadakan aktiviti-aktiviti kesusasteraan. Komitmen guru di dalam kegiatan-kegiatan kesusasteraan di sekolah mungkin berupaya penasihat kelab sastra atau persatuan bahas dan persuratan Melayu atau seumpamanya. Penglibatan guru seharusnya luas, tetapi tidak bercanggah dengan nilai-nilai yang mendasari FPN.

Guru Kesusasteraan: Keunggulan Menghadapi Cabaran-cabaran:

Meskipun graduan-graduan yang ditempatkan di sekolah menengah semakin hari semakin bertambah ramai, namun kesesuaian guru mata pelajaran mengajar pilihan pengkhususan masing-masing masih jauh dari memuaskan. Satu kajian mendapati hanya 9.2% guru yang mengajar mata pelajaran kesusasteraan terdiri daripada mereka yang membuat pengkhususan kesusasteraan di peringkat siswazah. Memang terdapat ramai guru yang mengkhusus kesusasteraan tetapi anehnya mereka tidak mengajar bidang ini (Maznah 1989:4). Dalam situasi lain, dia memang membuat pengkhususan dalam kesusasteraan tetapi dia tidak didedahkan kepada "kaedah mengajar kesusasteraan"; ada yang mengikuti kursus kaedah mengajar tetapi tidak "up to date"; ada juga yang terasa dipaksa kerana perlu mengajar mengikut "kehendak sekolah atau kehendak sukatan peperiksaan". Dengan kemunculan KBSM, maka terdapat guru-guru kesusasteraan yang terpinga-pinga dan tertanya-tanya apa yang perlu dilakukannya. Baginya dia tidak dapat meneladani guru kesusasteraan yang unggul sebagai model. Bagaimana mengamalkan pendekatan dan kaedah bersepadu jika semasa dalam latihan perguruan mereka tidak jelas tentang konsep bersepadu?" Kepada guru-guru sastra yang berpengalaman, sebahagian besarnya mungkin telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan guna membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan kurikulum baru dan sedar akan perubahan-perubahan tersebut, tetapi berapa ramai antara mereka ini yang "berselera kembali" dalam inovasi-inovasi pembelajaran dalam bilik darjah? Dan, berapa ramai guru-guru ini yang berminat membaca bahan-bahan profesional?

Akibat dari keanekaragaman guru yang mengajar kesusasteraan ini, menjadikan peranan kesusasteraan dalam KBSM disalah-tafsirkan, lazimnya, untuk lulus peperiksaan semata-mata, bukan untuk penikmatan dan penghayatan. Oleh yang demikian, kita tidak hairan kalau mendapati pendekatan dan perkaedahan mengajar lebih condong ke arah kefahaman kognitif yang kaku dan membosankan, biasanya pendekatan analisis-struktural. Mengenai hal seperti ini Purves (1979), berpendapat,

"The failure of instructional research to provide clear guidelines for teaching literature, is sometimes blamed on the difficulties in measuring "achievement" in studying literature...Most of the measures described previously including both content-analytic

and rating-scale techniques, can be used as measure of instructional outcomes...Rather than lacking measures of outcomes in teaching literature, research has lacked a well-developed conceptual framework for relating those outcomes to longer-term in-structional goals".

Untuk membetulkan tanggapan yang serong ini, seorang guru kesusasteraan haruslah jelas dengan halatuju dan matlamat pendidikan serta objektif-objektif yang digariskan dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu. Di samping itu dia perlu menguasai strategi-strategi pengajaran yang menggunakan pendekatan-perkaedahan yang relevan dengan objektif dan matlamat jangka panjang terutama dalam pembinaan sikap, pertambahan ilmu dan keterampilan dalam pengajarannya supaya dia dapat menghubungkan isi dan hakikat sastera dengan pendidikan dalam konteks FPN.

Untuk mencapai objektif-objektif pendidikan amat bergantung kepada guru yang gigih dan berusaha menterjemahkan pernyataan di dalam kurikulum tersebut kepada praktik, khususnya mengenai pemilihan, perancangan, pendekatan dan perkaedahan mengajar. Dalam satu kajian yang umum mengenai kemahiran mengajar, didapati bahawa guru-guru yang berkesan "dapat memberi penerangannya dengan jelas", "menyediakan pelajarannya dengan kemas bersesuaian dengan kemampuan pelajar, alat bantu mengajar, dan objektif", "menggunakan contoh-contoh yang menarik", "idea-idea dan pendekatan yang merangsang pelajar-pelajar belajar" dan "melibatkan pelajar-pelajar berinteraksi dengan aktif" sebagai syarat-syarat. Kita cuba mengaplikasikan syarat-syarat yang sama kepada guru-guru kesusasteraan.

Seseorang pendidik yang unggul itu perlulah "genuin" (asli), bukan bersifat munafik; dia merasa bangga dengan profesyennya. Dia mempunyai watak yang tersendiri dan dia menjadi teladan kepada muridnya. Seorang guru sastera perlu menjadikan dirinya sebagai model, seperti kata Ali Nadwi:

"to present personal examples of moderation, simplicity, selflessness, readiness to serve one's country and seeking one's recompence only from God Almighty. We all know that personal and ennobling examples set by individuals have great psychological effect on all sections of people of every age and country....." Ali: 79:21

Seorang guru yang unggul dan berkesan mempunyai sifat-sifat berikut: bertanggungjawab, berusaha, adil, mengambil tahu dan berperikemanusiaan. Dia menjadi perantara atau penyambung karya-sastera dengan pelajarnya, tetapi dia bukan penterjemah. Dia perlu benar-benar mahir di dalam konvensi seni kesusasteraan, misalnya tentang bentuk, peraturan, mitos, imajan, simbol, atau bahasa kiasan supaya dia dapat memberikan kepada para pelajar alat untuk menggarap dan menganalisis. Dengan demikian dia dapat mendidik pemikiran pelajarnya dan mengajar mereka bagaimana menaksir keluasan dan kedalaman tanggapan makna hidup yang dinyatakan oleh pengarang di dalam karya yang dipelajari.

Dapatkah dibina nilai-nilai dan menyuburkan apresiasi hanya dengan pertemuan di dalam bilik darjah, dengan kajian teks yang intensif? Persepaduan kurikulum dan kokurikulum tentu perlu diwujudkan dan ini juga merupakan cabaran kepada guru-guru bahasa dan kesusasteraan untuk mengadakan pelbagai aktiviti kesasteraan yang tentu sekali diminati

oleh pelajar. Mereka menjadi penggerak untuk mendorong dan berperanan membimbing pelajar bukan saja dalam kefahaman teks; mereka perlu mengadakan aktiviti-aktiviti seperti Hari/Minggu Sastera, perbengkelan menulis, ceramah dan forum, diskusi buku dan pertandingan bahas dan penulisan, mengadakan majalah kelas atau sekolah, mengadakan pementasan drama berdasarkan teks sekolah, pertemuan dengan novelis cerpenis atau penyair, menganjurkan "Hari Puisi" dan "Malam Kebudayaan" dan berbagai kegiatan lain.

Di samping mempunyai sikap positif seperti yang dikehendaki, seorang pendidik perlu memahami selok-belok pengajaran dan mampu menyesuaikan perkaedahan mengajarnya dengan keadaan pelajar dan objektif pelajaran yang hendak dicapainya. Dengan kata-kata lain dia perlu mempunyai ilmu yang luas dalam bidangnya dan berupaya membawa pelajarannya ke arah matlamat pendidikan yang digariskan. Maksud ilmu yang luas dalam disiplin kesusasteraan ditekankan di sini sebab faktor ini amat kuat mempengaruhi pembelajaran pelajar. Guru bukan saja mengajarkan keindahan bahasa seperti hiperbola, perbandingan, metafora, personifikasi, imajinasi dan semuanya yang tercatat dalam sukatan pelajaran, tetapi harus mampu menilai yang indah dan benar; dapat mengukur yang hak dan batil. Dengan demikian pelajar-pelajarnya dapat mengamalkan etika moral yang murni melalui latihan rasa seni estetikanya yang terjalin dalam skema keagamaan yang menyeluruh tentang kehidupan. Dengan demikian pelajar dibina menjadi seorang insan yang mencintai kebebasan dan tanggapan individunya tentang realiti tidak diancam oleh mana-mana dogma. Hanya dengan cara itu ia dapat mengasuh para pemuda dengan semangat dan kewibawaan seorang manusia yang benci kejelekan kebendaan dan kerencatan fahaman yang songsang.

Penutup

Seseorang guru sastera yang dapat menyampaikan pengajarannya dengan hikmah, menepati misinya untuk menunaikan amanahnya dengan ikhlas dan penuh ghairah, jika dia dapat meletakkan dirinya sebagai khalifah Allah untuk mengajak manusia kepada agama Allah (bukan dalam erti kata Tuhan); maka dia beroleh keberuntungan ibadah dalam kerjayanya (surah wal'asri 1-3). Maka tugasnya mempunyai ruh, jika dia mempunyai hati yang yakin teguh dan tauhid yang utuh, penuh tumpuan serta berilmu pengetahuan.

Sebagai peringatan, kita mengharapkan juga pihak biro buku teks meneliti dan mengkaji dengan segala kepakaran yang ada kerana pemilihan bahan kesusasteraan yang mengandungi unsur-unsur negatif akan mempengaruhi dan mengancam fikiran remaja kita, dan "saham dosanya" akan dipikul oleh yang berwibawa. Akhir sekali, Lembaga dan Majlis Peperiksaan Malaysia perlu mencari jalan penyelesaian penilaian yang saksama memenuhi tuntutan nilai-nilai murni seperti "keadilan", "bertanggungjawab", "baik hati" dan sebagainya oleh sebab itulah yang dituntut oleh FPN.

Bibliografi

- Ahmad bin Othman, *Kesusasteraan dalam KBSR dan KBSM: Kesesuaian dan Keperluannya dalam Pendidikan Bahasa Malaysia*, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia, Institut Bahasa, Kuala Lumpur, 1990.
- _____, *Membina Minat Kanak-kanak Membaca Kesusasteraan*, Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jld. 10. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1990.
- Ali Haji Ahmad, Prof. Haji, *Falsafah Pendidikan Kesusasteraan*, Kertas Kerja Seminar Sastera Dalam Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka, 17-18 Julai, Kuala Lumpur, 1989. Lihat juga, Dewan Sastera, Jld. 20 Bil. 2, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur 1990.
- Asas Kebudayaan Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 1973.
- Awang Had Salleh, Tan Sri Dato' Prof., Kertas Kerja Dasar, *Seminar Sastera Dalam Pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 17 - 18 Julai Kuala Lumpur, 1989.
- Baharudin Ahmad (Penterjemah), *Falsafah Kesusasteraan dan Seni Halus*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.
- Barnet Sylvan, (Ed.) *An Introduction To Literature*, Little, Brown and Company, Boston, 1974.
- Falsafah Pendidikan Negara, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1987.
- Ishak Ramly, *Kesan Pendekatan Mengalami - Menghayati Terhadap Pembelajaran Pantun Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*, Disertasi Untuk Keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987.
- Kamarudin Hj. Husin, *Kaedah Pengajaran Kesusasteraan*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1988.
- Keris Mas, *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988.
- Maznah Ismail, *Pertalian di Antara Kualiti Guru dan Keberkesanan Guru, Satu Ringkasan Eksekutif*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1989.
- Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika dari Pendekatan Tauhid*, Dewan Sastera, Jld. 20: Bil. 1-5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1990.
- Muhammad Hamid Al-Afendi and Nabi Ahmad Baloch, (Ed.) *Curriculum and Teacher Education*, Hodder and Stoughton, King Abdulaziz University, Jeddah, 1980.

Purves. A.C. & Beach, R. *Evaluation of Learning in Literature*, Evaluatin in Education, 1979, 3. 93-172.

Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia KBSM, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur 1987.

Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu KBSM, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur, 1990.

Syed Ali Asyraf and Syed Sajjad Husain, *Crisis in Muslim Education*, Holder and Stoughton, King Abdulaziz University, Jeddah, 1979.

Syed Hosein Nasi, *Philosophy of Literature and Fine Arts*, Holder and Stoughton, King Abdulaziz University, Jeddah, 1980.